



JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)

**1. PEGAWAI PERHUBUNGAN INDUSTRI GRED N48 (KONTRAK :
KEKOSONGAN 1)**

Tangga Gaji RM4,915.00 (Minimum) - RM10,554.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (c) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun dalam bidang pentadbiran, pengurusan atau kewangan sama ada di agensi kerajaan atau swasta.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat, Kampus Gambang.

Keutamaan kepada calon :

- (i) fasih bertutur Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- (ii) mempunyai kemahiran komunikasi, perundingan dan hubungan sosial yang baik;
- (iii) berkebolehan memberi nilai kepada perkhidmatan pelanggan;
- (iv) bersedia membangunkan hubungan baik dengan agensi luar;
- (v) berkeupayaan mencari peluang dan potensi baharu untuk biasiswa dan pembiayaan;
- (vi) bersikap proaktif dan berfikiran positif dalam urusan kerjaya dan sosial; dan
- (vii) memiliki minat dan kesungguhan yang tinggi dalam aktiviti pembangunan dan kebajikan pelajar.

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)

1. PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29 (TETAP/KONTRAK : KEKOSONGAN 2)

Tangga Gaji RM1,418.00 (Minimum) - RM5,121.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Institut Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang setaraf.
(Gaji permulaan : RM1,417.59); atau
 - (b) Sijil Seni Bina, Sijil Perancang Bandar atau Sijil Kejuruteraan Awam (Seni Bina) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau setaraf.
(Gaji permulaan : RM1,417.59); atau
 - (c) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan : RM1,826.02).
- dan (d) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta Kampus Gambang dan Kampus Pekan.

2. JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17 (KONTRAK : KEKOSONGAN 2)

Tangga Gaji RM953.00 (Minimum) - RM3,490.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji Permulaan : RM953.00) atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM1,010.77) atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM1,068.89) atau
- (d) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM1,243.24) atau

- (e) sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM1,417.59)
- dan (f) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di :

- a) **Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan; dan**
b) **Pusat Kecemerlangan IBM
Kampus Gambang dan Kampus Pekan.**

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berdasarkan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara **Tetap** atau pun **Kontrak**.

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

UMUR PADA TARikh TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN

Pada 13 Jun 2014.

TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 20 Jun 2014.